

# Siswa UMS timba ilmu di pameran 'Selsius 2016'

NST 24.8.2016 8

KOTA KINABALU: Seramai 16 pelajar Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyertai Pameran Festival Seramik Antarabangsa ke-7 Selsius 2016 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Ketua Program Teknologi Seni Visual UMS, Norhayati Ayob, pameran di Galeri Reka Balai Seni Visual Negara, Kuala Lumpur, disertai oleh kumpulan pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun satu, dua dan tiga serta pelajar Ijazah Sarjana Program Teknologi Seni Visual.

"Pameran ini turut melibatkan penyertaan dari 11 negara iaitu Korea Selatan, Turki, China, India, Thailand, Amerika Syarikat, Switzerland, Jepun, Singapura, Indonesia dan juga Malaysia.

"Ini sekali gus memberi pengalaman baharu dalam kalangan pelajar Teknologi Seni Visual untuk mendalami seni seramik dari negara luar," katanya.

Sementara itu, pensyarah Program Teknologi Seni Visual, Prof. Madya Dr. Baharuddin Mohd Arus berkata, pameran ini turut memberi pendekatan pembelajaran di luar kampus dengan melihat demonstrasi dari seniman antarabangsa dan tempatan.

Terdahulu, Kurator pameran tersebut, Dr. Shamsu Muhamad menjelaskan, perkataan Selsius merupakan metafora kepada semangat dan impian agar seni seramik kontemporari negara sentiasa berkembang di persada antarabangsa.

"Selsius sendiri bermaksud takat suhu pembakaran seramik yang dipraktis oleh seniman, pereka, usahawan kraf dan teknologis industri.

"Justeru, Pameran Selsius merupakan antara satu wadah dan wahana kepada seniman seramik lama dan baru dalam menzahirkan idea kreatif yang bersinergi dengan teknologi mutakhir," katanya.

Pelbagai program sokongan yang akan dijalankan di Balai Seni Visual Negara antaranya Bicara Seni, Demonstrasi dan Bengkel Seramik, serta Jualan Seramik.

Pameran tersebut dibuka kepada orang ramai bermula 2 Ogos lalu sehingga 30 September ini.